



YWM ANJUR PROGRAM MADANI MEMBANTU: SINGGAH SAHUR YWM & MAJLIS IFTAR RANTAIAN KASIH BERSAMA ANAK YATIM DAN MISKIN

Dari Sahur ke Iftar: YWM Dekati Komuniti yang Memerlukan di Melaka

MELAKA, 7 Mac 2026 – Bersempena dengan Bulan Wakaf Kebangsaan 2026 dan keberkatan bulan Ramadan, Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) telah menganjurkan dua program di Melaka iaitu **Program MADANI Membantu: Singgah Sahur YWM di sekitar DUN Pantai Kundur** serta **Majlis Iftar Rangkaian Kasih Bersama Anak Yatim dan Miskin di Puteri Bay Hotel Melaka**.

Kedua-dua program ini telah disempurnakan oleh YB Senator Marhamah Rosli, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Turut mengiringi beliau dalam Program Singgah Sahur ialah YBrs. Dr. Ridzwan Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Waqaf Malaysia, YBhg. Datuk Tuminah binti Kadi @ Mohd Hasim, Timbalan Exco Pembangunan Usahawan Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Melaka merangkap ADUN Pantai Kundur, YBhg. Datuk Tuan Rosli Abdullah, ADUN Kuala Linggi, serta YBhg. Datuk Wira Haji Mad Rawi bin Mahmud, Pegawai Tugas-Tugas Khas merangkap Ahli Majlis Majlis Agama Islam Melaka (MAIM).

Menerusi Program Singgah Sahur YWM, rombongan telah turun padang menziarahi golongan sakit terlantar, uzur dan mereka yang memerlukan dengan menyantuni mereka secara langsung dari rumah ke rumah sambil menyampaikan sumbangan sahur sebagai tanda keprihatinan terhadap kebajikan masyarakat setempat.

Melalui Program Singgah Sahur YWM, rombongan telah menziarahi golongan sakit terlantar dan uzur dari rumah ke rumah sambil menyampaikan sumbangan sebagai tanda keprihatinan terhadap kebajikan masyarakat setempat. Antara sumbangan yang disalurkan termasuk **makanan sahur 'ready-to-eat' tajaan Perbadanan Wakaf Nasional Berhad (PWNB) bernilai RM2,300, 100 kotak makanan kering dan kurma tajaan YWM bernilai RM15,000, serta sumbangan tunai hasil kerjasama YWM, Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM).**

Pada hari yang sama, YWM turut menganjurkan Majlis Iftar Rangkaian Kasih di Puteri Bay Hotel Melaka, sebuah hotel wakaf yang dibangunkan di atas tanah wakaf MAIM dan diuruskan oleh YWM melalui anak syarikatnya Perbadanan Wakaf Nasional Berhad (PWNB). Majlis yang diadakan dengan kerjasama Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan MAIWP ini turut meraikan **80 orang anak yatim daripada tiga pertubuhan kebajikan iaitu Anjung Putra Melaka, Rumah Kasih Tun Abdul Aziz dan PAYASUM Melaka**. Dalam majlis tersebut, YWM turut

menyampaikan **tajaan iftar kepada Masjid Al Hilal, Pantai Rombang, sumbangan kepada rumah anak yatim serta duit raya kepada anak-anak yang diraikan.**

Dalam ucapannya, YB Senator Marhamah Rosli menegaskan bahawa program seperti ini mencerminkan nilai **ihsan, rahmah dan kebersamaan** yang menjadi teras kepada gagasan **Malaysia MADANI**, di mana kebajikan masyarakat sentiasa diberi perhatian khusus, terutama kepada golongan yang memerlukan.

Untuk makluman, majlis iftar ini diadakan di **Puteri Bay Hotel Melaka**, sebuah hotel wakaf yang dibangunkan di atas tanah wakaf **Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)** dan diuruskan oleh YWM melalui anak syarikatnya, **Perbadanan Wakaf Nasional Berhad (PWNB)**. Pembangunan ini merupakan contoh bagaimana aset wakaf dapat dimanfaatkan secara mampan untuk memberi manfaat kepada masyarakat dalam jangka masa panjang.

Kerajaan melalui Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) komited memperkukuh institusi wakaf sebagai instrumen pembangunan ummah yang strategik. Dana wakaf YWM dimanfaatkan dalam sektor **kesihatan, pendidikan, pemerkasaan ekonomi dan persekitaran** seperti penyediaan kerusi roda khas untuk anak OKU, **Double Decker Waqf Mobile Clinic**, sumbangan peralatan pendidikan, **Tabung Cakna Armalah**, serta inisiatif **Wakaf Perkhidmatan Air** dan **Wakaf Masjid Hijau**. Dana ini juga menyokong pembangunan masjid dan surau serta pelaksanaan program keagamaan seperti **Kempen Wakaf Sejuta Al-Quran**.

Sehubungan itu, YB Timbalan Menteri turut menyeru masyarakat agar bersama-sama menghidupkan budaya wakaf dalam kehidupan seharian selaras dengan aspirasi “**Wakaf Untuk Semua**”, di mana setiap individu berpeluang menyumbang mengikut kemampuan masing-masing.

— Tamat —

Yayasan Waqaf Malaysia
7 Mac 2026

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

Cik Haidatul Azia binti Husin
Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-3883395 | azia@ywm.gov.my

Cik Nur Ain binti Mohd Nazri
Eksekutif Media Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
011-33065054 | nurain.nazri@ywm.gov.my